



UCAPAN

**YBHG. TUAN HAJI ROSELY BIN KUSIP
PENGERUSI RISDA**

SEMPENA

KONVOKESYEN KOLEJ UNIVERSITI AGROSAINS MALAYSIA KALI KE-18

**DEWAN BESAR, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
SERDANG**

**24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)
9.30 PAGI**

1. YBhg. Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin Bin Wan Mohamad
Ketua Pengarah RISDA
2. YBhg. En. Abdullah Bin Zainal
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat) RISDA
3. YBrs. Pn. Hjh. Faizatul Akmar Bt. Dato' Hisan
Ketua Eksekutif UCAM
4. Ahli-Ahli Lembaga Pengarah UCAM

5. Ahli-Ahli Akademik Dari Universiti Putra Malaysia (UPM), UCAM dan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)
6. Pengarah-Pengarah Bahagian/ Pengarah-Pengarah RISDA Negeri/Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA/ Pegawai Dan Staf UCAM
7. Rakan-rakan Media
8. Ibu Bapa, Para Graduan seterusnya para jemputan yang dikasihi sekalian.

Bismillahirrahminirahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdullilah, pertama sekali dipanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran dan segala puji-pujian bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW kerana dengan limpah kurnianya dapat kita semua berhimpun di dewan ini untuk menyempurnakan Majlis Konvokesyen Ke-18 Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) tahun 2019 dengan menyaksikan seramai 483 orang

graduan yang akan menerima Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan Sijil.

2. Tahniah kepada para graduan di atas daya usaha, kegigihan dan kesabaran dalam mengharungi dunia pembelajaran dan ternyata segala usaha dan pengorbanan akhirnya membawa hasil. Untuk menjadi genius apa yang diperlukan adalah 1% inspirasi dan 99% kerja keras. Tidak ada yang dapat menggantikan kerja keras sebagai tangga

kejayaan. Kerja keras itu membawa hasil apabila pada hari bersejarah ini, saudara saudari diberi penghormatan naik ke pentas menerima pengiktirafan masing-masing. Ilmu mengatur pengetahuan, kearifan mengatur kehidupan. Oleh itu diharapkan para graduan sekalian bijaklah menggunakan ilmu yang ada untuk menyumbang jasa pada keluarga, masyarakat dan negara.

3. Para graduan sekalian, di belakang sana adalah wajah-wajah kesyukuran, kegembiraan dan rasa bangga. Jika di dalam dewan ini mereka di belakang anda apatah lagi sepanjang meniti usia mereka ialah jugalah yang menjadi tulang belakang bagi menggapai impian dan cita-cita. Walau di mana anda berada selepas ini, ingatlah jasa dan pengorbanan ibu bapa tercinta dan keluarga tersayang. Ibu bapamu mungkin tidak secerdas kamu, tidak sesukses kamu tetapi mereka memiliki hati yang begitu ikhlas sehingga tak pernah meminta dibayar segala jasa mereka.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Sebagai Pengerusi RISDA yang menaungi institusi ini, saya sangat teruja untuk hadir ke majlis konvokesyen ini buat pertama kali. Semua juga sedia maklum akan pertukaran kementerian yang menaungi RISDA di mana kini kita bernaung di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang baru ditubuhkan pada Mei 2018, yang mana kementerian ini dengan diberi tanggungjawab dan amanah untuk merancang dasar bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara dan menangani cabaran

peringkat dalaman dan global ekonomi hari ini dan mendatang. Oleh itu saya melihat dan menanam harapan yang tinggi terhadap UCAM sebagai institusi pendidikan tinggi di bawah RISDA yang dapat melahirkan graduan yang bijak, bertanggungjawab, matang, amanah dan dedikasi untuk bersama-sama membawa misi kementerian iaitu “merancang dan mengurus pembangunan sosioekonomi Malaysia secara strategik, inovatif dan proaktif.” Sosioekonomi yang stabil sangat penting untuk kesejahteraan rakyat bersama-sama keutuhan agama dan perpaduan.

5. Program-program pengajian yang ditawarkan di UCAM saya lihat dan yakin sangat memenuhi keperluan pasaran kerja serta menyokong Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Program pengajian akademik di bawah Fakulti Agrosains, Fakulti Sains Sosial, Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Fakulti Sains Komputer dapat melahirkan graduan yang dapat menyumbangkan idea dan tenaga untuk pertumbuhan ekonomi negara dan menangani cabaran baru ekonomi. Rancangan Malaysia Ke-12 dijajarkan dengan inisiatif kemakmuran bersama berdasarkan tiga dimensi iaitu Pemerkasaan Ekonomi, Kemampanan Alam Sekitar dan

Kerekayasaan Sosial. Revolusi Perindustrian, reformasi sektor pertanian, ekonomi digital, pembangunan wilayah bersepadu, ekonomi biru, teknologi hijau, peningkatan nilai-nilai murni, penambahan kuasa beli rakyat adalah antara yang diberi perhatian kerajaan dalam RMK-12.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Saya percaya pembangunan UCAM akan terus memberi sumbangan yang besar, bukan sahaja kepada warga kampusnya,

bahkan kepada pembangunan pengajian tinggi negara. Anak-anak generasi muda diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka dan seterusnya memajukan negara di dalam bidang pertanian, perladangan, pengurusan lanskap, pembangunan luar bandar, keusahawanan, pengurusan perniagaan, teknologi maklumat serta bahasa dan komunikasi. Cabaran dunia pekerjaan di luar sana bukan sahaja memerlukan graduan yang menggengam sijil tetapi berdaya usaha, kreatif dan inovatif. Hasil tanaman pertanian dan perladangan Malaysia ialah getah, kelapa sawit, koko, teh, padi, buah-buahan, sayur-sayuran,

tanaman herba dan rempah ratus. Graduan di bidang pertanian dan perladangan harus menyahut cabaran melakukan ‘reformasi sektor pertanian’. Selain itu, graduan harus memberi fokus dan usaha untuk mengekalkan kapasiti pengeluaran dalam bentuk tanah ladang yang berkualiti tinggi dan penggunaan pasaran antarabangsa untuk mengimbangi kekurangan pengeluaran semasa. Reformasi pertanian itu pula seharusnya diimbangi oleh kelestarian pembangunan. Sokongan dan usaha ke atas reformasi sektor pertanian akan meyakinkan orang

awam di luar kedudukan UCAM sebagai Kolej Universiti berasaskan pertanian.

7. Saya juga dimaklumkan UCAM adalah institusi pengajian tinggi pertama dalam negara yang menawarkan Diploma Pembangunan Luar Bandar (DPLB). ‘*Resilient Rural Development*’ atau ‘Pembangunan Luar Bandar Yang Berdaya Tahan’ adalah tugas, tanggungjawab dan amanah untuk berkhidmat dengan masyarakat luar bandar selepas ini. Oleh itu proses perubahan pelbagai dimensi sistem luar bandar, pertumbuhan

ekonomi, penambahbaikan keadaan sosial, pemeliharaan warisan dan sumber semula jadi perlu dilaksanakan dengan bijak dan lestari. Penduduk luar bandar juga tidak terkecuali ada dalam kategori B40 (Bottom 40) iaitu pendapatan isi rumah terendah dengan purata bulanan di bawah RM3,860.00. Kumpulan isi rumah miskin yang berpendapatan bulanan kurang daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK) iaitu RM950,00 juga dalam kategori B40. RISDA juga mempunyai tanggungjawab dalam merancang dasar dan melaksanakannya agar mereka ini tidak jauh terpinggir dan sama-sama menikmati kualiti hidup

yang sewajarnya. Mereka seharusnya didedahkan dengan revolusi industri 4.0, perkembangan sains dan teknologi, inovasi dan pengkomersialan kerana masyarakat luar bandar ramai yang berada dalam bidang pertanian, perladangan, perikanan, perniagaan runcit dan golongan usahawan. Selain itu juga, UCAM, di bawah Fakulti Pengurusan Pernigaan dan Bahagian Latihan seharusnya menjadi platform bagi latihan-latihan keusahawanan untuk para pelajar serta usahawan-usahawan di bawah bimbingan RISDA agar dapat mencapai

matlamat untuk melahirkan lebih ramai usahawan-usahawan yang menjadi “job creator” berbanding sekadar menjadi “job seeker”.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Kita sekarang ini berada di era Revolusi Industri Keempat (I.R 4.0) yang melibatkan *Internet of Things* (IoT) atau Internet Kebendaan di mana hampir semua aspek kehidupan sehari-hari bergerak ke arah penggunaan teknologi dan sistem automasi lebih pintar secara total.

Pelajar-pelajar IPT merupakan salah satu golongan berkepentingan (*primary stakeholders*) yang terdedah kepada perubahan teknologi ini. Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Fakulti Sains Komputer UCAM merupakan fakulti penting bagi merencana peluang teknologi baharu ini dan perlu bergerak pantas bagi menginovasikan sistem pembelajaran di UCAM ke arah Revolusi Industri 4.0. Melalui pendekatan baru ini diharap masyarakat luar bandar yang majoritinya berada di dalam bidang pertanian, perladangan, perikanan, perniagaan runcit dan golongan

usahawan kecil dapat sama-sama berubah dari sistem konvensional ke teknologi baharu ini .

9. Golongan belia juga disaran menggunakan teknologi dagang (*digital technology*) sebagai platform utama bagi memperkasakan ilmu yang dipelajari bagi menjana ekonomi yang lebih mampan. Besarlah harapan saya pihak UCAM menggunakan ledakan teknologi baharu ini bagi menarik minat pelajar-pelajar menceburi bidang agrosains melalui program strategik pemasaran yang menarik bagi kursus-kursus yang

ditawarkan. Saya percaya melalui pelan perancangan pembelajaran yang menarik mampu menjadikan UCAM sebagai salah satu IPT yang berdayasaing dengan pengkomersialan bidang agrosains melalui pendedahan yang diberikan kepada pelajar-pelajar berkaitan teknologi baharu seperti *Artificial Intelligence, e-commerce* dan *online applications*.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Saya juga merasakan kebolehan UCAM sebagai satu institusi wadah ilmu dan intelektual seharusnya digunakan bersama-sama kepakaran di RISDA untuk menjalankan kajian serta mencari jalan penyelesaian bagi masalah-masalah yang dihadapi pekebun-pekebun kecil agar ilmu yang diperolehi oleh graduan serta kepakaran pensyarah-pensyarah tidak hanya dilihat secara teori tetapi terus dipraktikkan di dunia sebenar. UCAM juga saya rasakan harus dijadikan pusat pengumpulan data-data pekebun kecil ini agar mereka boleh menjadikan data-data ini sebagai “the real case study” untuk mereka

mencari solusi bagi isu-isu yang berbangkit. Selain daripada itu, besar juga harapan saya agar UCAM sama-sama bergerak kearah memperkasakan program-program “Technical and Vocational Education and Training” atau TVET dengan menilai semula aspek kurikulum pengajian agar menjurus kearah ini. Ini adalah kerana program TVET kini dilihat lebih menarik perhatian bakal pelajar kerana durasi program yang lebih singkat serta tahap kebolehpasaran graduan setelah tamat program dilihat lebih tinggi.

11. Dikesempatan ini, saya mengucapkan tahniah kepada warga kerja UCAM sama ada di bahagian akademik dan pentadbiran kerana melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan memerah keringat untuk memastikan institusi ini berdiri gagah sebaris dengan institusi-institusi di luar sana. Teruskan usaha tanpa rasa jemu dan sentiasa beriltizam melahirkan graduan yang cemerlang.

Para Graduan Sekalian,

12. Ingin saya memberi nasihat kepada para graduan semua, "seringkali amalan yang kecil menjadi besar kerana niat, demikian pula amalan yang besar menjadi kecil kerana niat", niat merupakan salah satu *basics principles* ataupun *prerequisite fundamentals* untuk sesuatu gagasan itu bergerak dengan lebih besar dan berjaya. Oleh yang demikian, lakukanlah angan-angan, pasanglah niat yang jitu dan bertekad untuk mengaplikasikan segala ilmu yang dipelajari serta membuat perancangan sebaik-baiknya untuk kerjaya dan kehidupan yang lebih sempurna, diberkati dan berjaya. Para graduan perlu sentiasa bersiap

siaga mencorak masa depan cemerlang kerana di luar sana nanti anda sahaja yang mampu menentukan jalan terbaik bagi kerjaya dan kelangsungan hidup yang kian mencabar. Anda harus bijak untuk memilih jalan yang betul agar hidup tidak menjadi sia-sia. Anda adalah pewaris yang akan melakar masa depan negara yang lebih makmur dan selamat.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

14. Akhir kalam, saya mengucapkan selamat maju jaya dan tahniah khususnya kepada Kolej Universiti Agrosains Malaysia dan para graduan sekalian di dalam mengangkat martabat bidang pertanian ke tahap yang lebih cemerlang dan gemilang bukan sahaja di Malaysia namun keserata dunia.

Sekian, wassalam.